

# LIBERALISASI TARIF MOTOR & KEBAKARAN

## PENGENALAN

Pada 2016, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menerbitkan dokumen polisi untuk pelaksanaan inisiatif pemansuhan kawal selia harga produk motor dan kebakaran melalui liberalisasi tarif secara beransur-ansur di bawah Tarif Motor dan Semakan Tarif Kebakaran (Tarif Kebakaran).

Tarif-tarif yang sudah diperkenalkan selama lebih tiga (3) dekad ini tidak akan dilaksanakan lagi ke atas sesetengah jenis produk motor dan kebakaran.

## MAKSUD LIBERALISASI TARIF

Pemansuhan struktur tarif motor dan kebakaran sedia ada memberi kebebasan kepada syarikat insurans dan pengendali takaful untuk menggunakan mekanisme mereka sendiri dalam menentukan harga polisi, sumbangan dan had perlindungan.

Dalam persekitaran baru ini, syarikat insurans dan pengendali takaful mempunyai fleksibiliti dalam menawarkan produk motor dan kebakaran dengan ciri-ciri baru pada harga berasaskan pasaran yang bersandarkan ciri-ciri risiko pasaran pemegang polisi.

## MENGAPA PERLU LIBERALISASI?

1. Mengukuhkan insentif bagi meningkatkan kecekapan dan pengurusan risiko yang baik dalam sektor insurans am dan takaful.
2. Menawarkan fleksibiliti dan persaingan dalam harga produk motor dan kebakaran.
3. Memacu penambahbaikan dalam pengunderaitan dan pengurusan tuntutan bagi memberikan perkhidmatan dan nilai terbaik kepada pelanggan.

## PERLAKSANAAN

Pemansuhan tarif motor dan kebakaran akan dilaksanakan secara berfasa bagi membolehkan pengguna dan industri membuat penyesuaian dengan persekitaran operasi yang baru.

### Garis Masa

### Kelas Motor

### Kelas Kebakaran

#### Sebelum 1 Julai 2016

Semua produk yang disediakan adalah ditakrifkan di bawah Tarif Motor dan Tarif Kebakaran tertakluk pada kadar tarif. Pelarasan kadar tarif secara beransur-ansur untuk kumpulan risiko yang dikenal pasti.

#### Berkuat kuasa dari 1 Julai 2016 dan seterusnya

### Fleksibiliti dalam penawaran produk

Syarikat Takaful / insurans boleh terus menawarkan produk yang sama pada harga yang sama yang ditawarkan pada/ sebelum 30 Jun 2016. Produk-produk ini masih boleh ditawarkan mengikut Tarif.

Syarikat Takaful/ insurans boleh memperkenalkan produk baru pada kadar premium atau sumbangan takaful mengikut ketetapan oleh syarikat takaful/ insurans sendiri.

#### Berkuat kuasa dari 1 Julai 2017 dan seterusnya

### Pelarasan tarif secara beransur-ansur

Harga bagi produk motor mesti berdasarkan Tarif Motor dan sebarang pelarasan harga yang diperincikan oleh pihak Bank untuk kelas-kelas kenderaan yang dikenal pasti.

Harga untuk produk kebakaran mesti berdasarkan Tarif Kebakaran dan sebarang pelarasan harga yang diperincikan oleh pihak Bank untuk kategori risiko yang dikenal pasti.

### Fleksibiliti dalam harga produk

Kadar premium atau sumbangan Takaful berlainan/ sama dari kadar tarif semasa untuk produk Komprehensif dan Pihak Ketiga sekitar +/- 30% atau sebarang had yang ditetapkan oleh bank.

Kadar premium atau sumbangan Takaful berlainan/ sama dari kadar tarif semasa untuk produk kebakaran sekitar +/- 30% atau sebarang had yang ditetapkan oleh bank.

#### Tahun 2019 dan seterusnya

Progres dan kesan liberalisasi secara berperingkat akan dinilai bagi menentukan ketersediaan pengguna dan industri untuk liberalisasi seterusnya.

## MANFAAT KEPADA PELANGGAN

1. Risiko yang lebih rendah akan ditawarkan kadar premium/ sumbangan yang lebih rendah.
2. Risiko yang lebih tinggi akan diberi insentif sewajarnya untuk mengambil langkah pengurangan pendedahan risiko atau peningkatan profil risiko.
3. Pilihan produk yang lebih meluas, bersesuaian, kos yang efisien dan saluran pengagihan.
4. Kebolehan mempelbagaikan dan menambah had perlindungan.
5. Pendedahan kepada pilihan ciri-ciri produk, had perlindungan, kadar premium/ kadar caruman dan ciri-ciri produk baru yang lebih baik.